

ADIB menutup muka ketika keluar dari Mahkamah Sesyen Petaling Jaya.



Atlet bebas kes noda

■ **Pemain bola baling lepas tuduhan perkosa pegawai pengiring**

Oleh Sarah Zulkifli

sarah@hmetro.com.my

Petaling Jaya

Sorang atlet lelaki bola baling dilepaskan dan dibebaskan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam, daripada tuduhan merogol seorang pegawai pengiring pasukan itu di Sukan Malaysia (SUKMA), 2013.

Hakim Abu Bakar Manat membuat keputusan itu terhadap Adib Adha Ismail, 20, selepas pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh.

Adib yang memakai kemeja-T berwarna biru kelihatan tenang di dalam kandang tertuduh.

Selepas keputusan dibacakan, Adib dilihat terus meluruk keluar dari mahkamah.

Abu Bakar dalam penghakimannya berkata, keputusan itu dibuat selepas meneliti keterangan, dokumen dan hujahan bertulis kedua-dua pihak selain penilaian maksimum berhubung kes ini.

"Berdasarkan keterangan mangsa menunjukkan dia tidak dapat mengenal pasti sama ada tertuduh merogolnya, sebaliknya mengemaskan ianya dilakukan lelaki lain."

"Asid deoksiribonukleik (DNA) tertuduh ada pada tuala, namun ia bukan bahan bukti eksklusif dan hanya menunjukkan bukti kehadirannya di situ."

"Selain itu, banyak keraguan timbul berdasarkan keterangan saksi yang dipanggil ketika perbicaraan," katanya.

Mengikut pertuduhan, Adib didakwa merogol mangsa yang berusia 20 tahun di sebuah bilik di Universiti Putra Malaysia (UPM), antara jam 4 pagi dan 4.10 pagi pada 4 Julai 2013.

Bagi pertuduhan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksian yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan, jika disabit kesalahan.

Seramai 14 saksi pendakwaan dipanggil memberikan keterangan sepanjang perbicaraan.

Pendakwaan kes dikendalikan Nor Aishah Ahmad Zakiuddin manakala Adib diwakili Guok Ngek Seong.

Sebelum ini, pada 11 Julai 2013, Adib bersama dua tertuduh lain, Megat Farzeril Faiz Megat Razali, 21 dan Mohammad Shaizzad Md Shafie, 21, mengaku tidak bersalah atas pertuduhan itu.

Bagaimanapun, pada 9 Oktober tahun lalu, ketiga-tiganya dilepaskan tanpa dibebaskan disebabkan saksi pendakwaan tidak hadir.

Pada 3 November tahun lalu, semua tertuduh dipanggil untuk didakwa semula, namun hanya Adib hadir ke mahkamah manakala Megat Farzeril dan Mohammad Shaizzad tidak dapat dikesan.

FAKTA

Mangsa tidak dapat mengenal pasti perogolnya